

**SOALAN-SOALAN LAZIM**  
**INSENTIF PENGURANGAN KOMPAUN SYARIKAT DI BAWAH**  
**AKTA SYARIKAT 1965**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	<b>Apakah yang dimaksudkan dengan Insentif Pengurangan Kompaun Akta Syarikat 1965.</b>	<p>Insentif ini merupakan inisiatif prihatin SSM yang selari dengan aspirasi Keluarga Malaysia dalam meringankan beban komuniti korporat yang terkesan akibat pandemik Covid-19 yang masih berterusan serta membantu ke arah pemulihan ekonomi negara pada tahun 2022.</p> <p>Melalui insentif ini, komuniti korporat layak menikmati pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun melibatkan kesemua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965.</p>
2.	<b>Apakah tujuan insentif ini diadakan?</b>	<p>Tujuan insentif ini diadakan adalah untuk meringankan beban komuniti korporat melalui pemberian diskon kompaun yang tinggi.</p>
3.	<b>Bilakah tarikh mula berkuatkuasa Insentif Pengurangan Kompaun Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 ini?</b>	<p>Insentif ini akan mula dilaksanakan berkuatkuasa pada 1 Mac 2022 sehingga 31 Disember 2022.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
4.	Siapakah yang layak mendapat pengurangan kompaun 90%?	<b>Syarikat dan Pengarah Syarikat.</b>
5.	Apakah jenis-jenis kesalahan di bawah Akta Syarikat yang layak mendapat pengurangan 90% ini?	Kadar pengurangan kompaun 90% ini terpakai kepada semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 (AS 1965).
6.	Apakah syarat untuk menikmati kadar pengurangan 90% ini?	Semua kompaun yang ditawarkan melibatkan kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965.
7.	Apakah jenis kompaun yang tidak layak mendapat pengurangan sebanyak 90% di bawah insentif ini?	(a) Kompaun bagi penyelesaian Luar Mahkamah atau Kertas Siasatan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendakwaan & Litigasi serta Pejabat Negeri / Cawangan; dan  (b) Kompaun yang dianggap oleh Timbalan Pendakwa Raya SSM sebagai kesalahan tadbir urus korporat yang serius.
8.	Berapakah kadar diskaun/ pengurangan yang diberikan?	Kadar diskaun / pengurangan kompaun yang diberikan adalah sebanyak 90%.
9.	Adakah syarikat yang sedang dalam proses pembatalan nama syarikat / pembubaran / pengulungan, layak untuk	Ya, layak bagi kesalahan di bawah AS 1965 sahaja.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	menikmati pengurangan sebanyak 90% di bawah insentif ini?	
10.	Sekiranya syarikat telah diberi pengurangan sebelum ini dan sekarang syarikat ingin memohon rayuan lagi, adakah syarikat boleh mendapatkan pengurangan 90%?	<p>Boleh, syarikat boleh mendapat pengurangan 90% sekiranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kompaun yang telah diberi pengurangan terdahulu masih <b>belum dijelaskan</b>; dan</li> <li>(b) Kadar pengurangan 90% adalah dikira dari <b>amaun kompaun asal</b> dan bukan dari kadar pengurangan terdahulu.</li> </ul>
11.	Apakah yang akan terjadi kepada kompaun yang telah mendapat pengurangan tetapi tidak dijelaskan?	Amaun kompaun tersebut akan kembali ke amaun asal setelah tamat tempoh dan tindakan penguatkuasaan akan diambil.
12.	Apakah amaun pengurangan dikekalkan selepas tempoh insentif tamat?	Sekiranya kompaun yang telah mendapat pengurangan tidak dijelaskan sebelum / pada 31 Disember 2022 maka amaun kompaun akan kembali ke amaun asal.
13.	Siapakah yang boleh membuat permohonan pengurangan kompaun?	Syarikat, pengarah, setiausaha syarikat atau wakil syarikat.
14.		

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	Adakah surat rayuan diperlukan semasa membuat permohonan pengurangan kompaun semasa pelaksanaan insentif ini?	Ya, surat rayuan diperlukan bagi insentif ini.
15.	Bagaimana komuniti korporat boleh membuat semakan status kompaun?	<p>(a) Permohonan melalui emel <a href="mailto:ar_compliance@ssm.com.my">ar_compliance@ssm.com.my</a>;</p> <p>(b) Pusat Panggilan SSM: 03-77214000;</p> <p>(c) Semakan atas talian di laman rasmi SSM, e-Compound (<a href="https://www.ssm.com.my/Pages/Home.aspx">https://www.ssm.com.my/Pages/Home.aspx</a>); ezBiz Online (<a href="https://ezbiz(ssm.com.my">https://ezbiz(ssm.com.my</a>)</p> <p>(d) Semakan di mana-mana pejabat SSM seluruh Malaysia.</p>
16.	Dimanakah pembayaran kompaun yang telah diberi pengurangan boleh dilakukan?	<p>Pembayaran boleh dilakukan di mana-mana pejabat SSM yang berhampiran di seluruh Malaysia dan juga melalui secara dalam talian ezBiz Online <a href="https://ezbiz(ssm.com.my">https://ezbiz(ssm.com.my</a></p> <p>Pembayaran melalui ezBiz Online hanya boleh dilakukan oleh individu yang telah berdaftar sebagai pengguna ezBiz.</p>
17.	Di manakah saya boleh memohon pengurangan kompaun semasa insentif ini?	Individu atau wakil syarikat boleh hadir di Kaunter Penguatkuasaan di Tingkat 13 Menara SSM@Sentral, atau mana-mana Kaunter Penguatkuasaan Pejabat Negeri SSM kecuali di Kaunter UTC dan Kaunter

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan (Putrajaya).
18.	Apakah kaedah bayaran kompaun yang diterima oleh SSM?	Bayaran kompaun boleh dilakukan samada secara tunai atau menggunakan cek Syarikat Pengurusan, bank draf, kad debit/kredit, wang pos atau kiriman wang ke alamat <b>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA</b> atau secara online melalui ezBiz.
19.	Adakah cek persendirian diterima oleh SSM untuk membayar kompaun?	Tidak kecuali cek syarikat pengurusan.
20.	Adakah insentif ini turut memberi pengurangan 90% terhadap kompaun bagi kesalahan di bawah Akta Syarikat 2016 (AS 2016)?	Tidak.
21.	Adakah insentif ini terpakai bagi kesalahan di bawah AS 1965 yang ditawarkan selepas AS 2016 dikuatkuasakan?	Ya.

(Dikemas kini pada 20 Oktober 2022)